

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 25/08/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 11

Tajuk : Aplikasi e-hailing cALLme diperkenal bulan depan

Sinar Harian (m/s 11)
25/08/2018

Aplikasi e-hailing cALLme diperkenal bulan depan

PUTRAJAYA - Perkhidmatan aplikasi cALLme, sebuah platform e-hailing akan diperkenalkan untuk semua teksi lapangan terbang selewat-lewatnya bulan depan, bagi memudahkan pemandu teksi mendapatkan pelanggan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, aplikasi cALLme itu akan dimulakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai fasa pertama, sebelum diperluaskan kepada teksi-teksi bandar di seluruh negara.

"Aplikasi teknologi ini akan menjadi salah satu pilihan kepada pengguna masa kini dan saya yakin, platform moden ini akan memberikan nilai tambah baik kepada sistem teksi di dalam negara ini,"katanya kepada media selepas menyaksikan pemeteraan memorandum persefahaman (MoU) antara Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (Petekma) serta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) bagi menguruskan perkhidmatan aplikasi cALLme itu, di sini, semalam.

MoU itu ditandatangani antara Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Presiden Petekma, Mohd Syahrir Abd Aziz. - Bernama

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA